

KARAKTERISTIK GURU DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP) AL-QURAN

Teacher's Characteristics in the Quranic Education

¹Murihah Abdullah, ¹Abdul Hafiz Abdullah, ¹Aminudin Hehsan, ²Mohd Faez Ilias
murihah16@gmail.com, abdul_haafiiz@yahoo.com, aswar@utm.my, &
mohdfaezilias@gmail.com

¹Universiti Teknologi Malaysia, UTM

²Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS

ABSTRAK

Pengajaran dan pembelajaran (PdP) al-Quran merupakan sebahagian daripada subjek teras Pendidikan Islam dalam kurikulum perdana. PdP al-Quran juga berlangsung secara aktif di pelbagai lokasi secara formal mahupun tidak formal. Namun, pendekatan yang sering digunakan oleh guru al-Quran perlu diteliti bagi meningkatkan keberkesanan kepada individu pelajar. Kelangsungan PdP al-Quran amat berkait rapat dengan guru al-Quran itu sendiri. Justeru artikel ini membincangkan ciri guru al-Quran menurut karya silam dan kontemporari. Hasil penelitian mendapati ciri yang harus diamalkan oleh guru al-Quran terbahagi kepada dua bahagian iaitu pemantapan sahsiah guru serta pengawasan guru dalam halaqah. Artikel ini diharap dapat menjadi panduan dalam membentuk generasi guru al-Quran yang lebih baik.

Kata Kunci: Ciri Guru, Pendidikan Al-Quran, Tilawah, Tahfiz, Halaqah

ABSTRACT

Quranic Education is one of the core courses in the mainstream curriculum. Quranic education is also actively being taught in various places both formally and informally. However, there is a need of evaluating the approaches used by most of the teachers in order to enhance their effectiveness on students' performance. This is because the continuity of the Quranic education closely depends on the Quranic teachers themselves. Therefore, this article discuss the characteristics of Quranic teacher according to the works of traditional and contemporary scholars. The findings suggest that the characteristics that have to be practiced possessed by teachers can be divided to two types, namely the development of teachers' personality and their observation in study circles. It is to be hoped that this article will be a guide to building a generation of better Quranic teachers.

Keywords: *Characteristics of Teacher, Quranic Education, Quranic Recitation, Quranic Memorization, Study Circles.*

1.0 PENDAHULUAN

Pendidikan al-Quran merupakan fundamental dalam pembinaan jiwa muslim. Al-Quran sebagai sumber tamadun Islam merupakan mukjizat terbesar kepada umat Islam. Keunggulan al-Quran sebagai petunjuk (*huda*) menjadi pedoman kepada manusia daripada kejahilan menuju kebenaran (M. Syaltut, 1974). Allah SWT menjadikan al-Quran ibarat ruh yang menghidupkan manusia. Sekiranya manusia berjauhan daripada petunjuk al-Quran, manusia digambarkan seolah-olah tidak lagi bernyawa. Hal ini kerana al-Quran juga merupakan penawar (*syifa'*) kepada manusia dalam mendepani pelbagai permasalahan dalam kehidupan (Abdul Aziz, 2013).

Sejarah pendidikan al-Quran bermula daripada Rasulullah SAW. Baginda mengajarkan al-Quran kepada para sahabat dan menyalakan semangat untuk membaca dan menghafaz al-Quran. Lalu, para sahabat berlumba-lumba, kemudian mengajarkan al-Quran kepada isteri dan anak di rumah (al-Sobuni, 1996). Keperibadian baginda dalam mencontohi al-Quran amat terpuji lalu membentuk generasi Qurani yang terbaik. Proses PdP menjadi sempurna kerana 'guru al-Quran' tersebut melakukan apa yang diajarkan. Pembentukan keperibadian yang luhur bagi guru menjadi asas dalam konsep profesionalisme dalam Islam (Ghazali, 2012). Sehingga kini, pengajaran dan pembelajaran (PdP) al-Quran telah wujud dalam tradisi masyarakat dan menjadi darah daging umat Islam.

2.0 PENYATAAN MASALAH

PdP al-Quran berlangsung di merata lokasi sama ada secara formal, contohnya di sekolah; ataupun tidak formal, seperti di masjid atau surau. Pendekatan yang sering digunakan oleh guru al-Quran perlu diteliti bagi meningkatkan keberkesanan kepada individu pelajar (Ab. Halim et.al, 2012). Berlakunya modenisasi pada masa kini menjadikan pendekatan PdP al-Quran turut disesuaikan dengan perkembangan yang berlaku. Namun, penggunaan teknologi semata-mata tidak dapat mengambil alih tugas guru dalam PdP al-Quran, sebaliknya hanya digunakan sebagai alat bantuan (Ab. Halim et.al, 2012; Kemp, *et al.*, 2014).

Kebolehan pelajar untuk menguasai kemahiran tilawah dan tahfiz al-Quran merupakan matlamat penting yang hendak dicapai. Bagi merealisasikan matlamat tersebut, aspek pedagogi dan ciri guru al-Quran adalah perkara yang perlu dititikberatkan. Kemampuan guru al-Quran menggunakan amalan pengajaran yang betul dan tepat menjadi indikator sama ada PdP tersebut berjaya atau sebaliknya (Mohd Aderi, 2009; Zainab, 2016).

Guru al-Quran bukan hanya perlu memiliki latar belakang ikhtisas, bahkan juga mempunyai keperibadian dan amalan pengajaran guru yang baik. Dalam erti kata lain, keberkesanan sebarang pendekatan dalam PdP al-Quran terikat dengan kebolehan, kemahiran, serta keperibadian guru al-Quran. Ibnu Sahnun (1978) berpendapat bahawa pendidikan al-Quran merupakan pendidikan yang mengikat. Ikatan tersebut bermaksud pelajar memerlukan guru al-Quran untuk belajar. Entiti guru al-Quran dan pelajar bahkan dinyatakan dengan jelas dalam maksud hadith Rasulullah SAW bersabda: “*Sebaik-baik kamu adalah orang yang mengajar dan belajar al-Quran*” (HR Bukhari)

Al-Ghautsani (2003) amat menekankan kepentingan hubungan pelajar dengan guru dalam PdP al-Quran. Pelajar amat memerlukan guru al-Quran dalam proses membaca dari satu muka ke muka surat yang lain, sehingga melahirkan pelajar yang terlatih untuk membaca dan menghafaz al-Quran. Sehubungan dengan itu, jelas menerangkan bahawa PdP al-Quran harus berlangsung secara konsisten (*mulazamah*) bersama dengan guru.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN


Secara umumnya, artikel ini bertujuan mengupas ciri guru al-Quran menurut karya silam dan kontemporari. Pemilihan karya adalah berdasarkan orientasi kandungan kitab yang menekankan aspek pendidikan al-Quran. Antara karya ulama silam yang dirujuk adalah al-Nawawi (1996), Ibnu Sahnun (1978), dan al-Qabisi (1955) serta karya kontemporari khususnya al-Huwaimil (2010) dan al-Ghautsani (2003). Istilah guru al-Quran yang digunakan dalam artikel adalah merujuk kepada guru yang membimbing pelajar sama ada dalam proses membaca (tilawah) mahupun menghafaz al-Quran (tahfiz).

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Analisa data bagi artikel ini dibuat menggunakan pendekatan kualitatif. Instrumen yang digunakan adalah analisis dokumen, iaitu pengkaji menginterpretasi dokumen terpilih, memberi makna, dan membuat penilaian (Bowen, 2009). Sampel kajian adalah buku *Kaifa Tahfadzul Quran al-Karim, Taqwim Ta'lim Hifz al-Quran al-Karim wa Ta'limahu fi Halaqati Jamiyyati Tahfiz al-Quran al-Karim, al-Tibyan fi Adabi Hamlatil Quran, al-Risalah al-Mufassolah li Ahwal al-Muallimin wa Ahkam al-muallimin wal Mutaallimin, dan Ta'lim al-Mutaallim Thariq al-Ta'alum*.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Guru al-Quran memainkan peranan penting dan mempunyai pengaruh yang besar dalam kelangsungan pendidikan al-Quran. Terdapat enam ciri utama guru al-Quran yang diketengahkan iaitu ikhlas, mahir dalam ilmu al-Quran, serta berperibadi mulia dan soleh. Manakala ciri yang berikutnya adalah sabar dalam mendidik, adil terhadap pelajar, serta mementingkan PdP al-Quran berbanding urusan lain sepertimana yang diringkaskan pada Rajah 1.



Rajah 1: Ciri-Ciri Guru Al-Quran Menurut Karya Ulama Silam (al-Nawawi (1996); Ibnu Sahnun (1978); al-Qabisi (1955) dan Kontemporari (al-Huwaimil (2010); al-Ghautsani 2003).

5.1 Ikhlas

Ciri pertama dan utama bagi guru al-Quran adalah ikhlas berkhidmat kerana Allah SWT. Al-Nawawi (1996) menulis dalam kitabnya:

“Perkara pertama yang harus dilakukan oleh guru al-Quran adalah meniatkan semua aktiviti dalam PdP demi meraih redha Ilahi kerana setiap orang akan diberi balasan berdasarkan niat masing-masing”.

Berdasarkan pernyataan di atas, guru al-Quran haruslah mengajar dengan ikhlas demi mendapatkan redha Allah SWT, serta tidak mengharapkan sesuatu sebagai habuan demi mencapai kesenangan di dunia (al-Nawawi, 1996). Kesenangan di dunia yang dimaksudkan adalah hidup yang dalam kemewahan dan berlebihan. Namun, dalam urusan pemberian upah kepada guru al-Quran adalah berbeza dengan habuan demi mencapai kesenangan dunia. Hal ini dijelaskan oleh Ibnu Sahnun (1978), bahawa pemberian upah terikat dengan dua kriteria. Pertama, pemberian upah kepada guru al-Quran tidak menjejaskan niat ikhlas serta rasa taqwa kepada Allah SWT. Manakala kriteria kedua ialah upah yang diberi tidak menjadi beban kepada pelajar dan ibu bapa (Ibnu Sahnun, 1978; al-Zarnuji, 2004).

Al-Huwaimil (2010), berpendapat bahawa pengaruh guru al-Quran kepada pelajar amat berkait dengan pada kadar keikhlasan guru dalam berkhidmat. Guru al-Quran perlu sentiasa memperbaharui niat dalam mengajar al-Quran kepada pelajar.

5.2 Mahir dalam Ilmu Al-Quran

Ciri guru al-Quran yang kedua adalah mahir dan menguasai ilmu tentang al-Quran. Secara umumnya ilmu al-Quran terbahagi kepada banyak pembahagian, bermula dengan bahagian asas sehingga bahagian yang lebih kompleks dan mendalam.

Bahagian asas dalam ilmu al-Quran bermula dengan mengenal huruf hijaiyah, mengetahui tempat keluar sebutan huruf (*makharijul huruf*), serta memahami hukum tajwid seperti hukum waqaf dan sebagainya (al-Huwaimil, 2010). Ibnu Sahnun (1978), turut menekankan kebolehbacaan guru al-Quran dengan bacaan yang baik dan tartil serta mampu menulis kaligrafi al-Quran dengan baik. Dalam PdP tilawah contohnya, guru al-Quran haruslah mampu memperdengarkan bacaan dengan baik dan fasih sehingga menimbulkan rasa khusyuk dan tertarik terhadap pelajar. Bahagian yang lebih kompleks dalam ilmu al-Quran pula merangkumi pelbagai pecahan dalam *ulum al-Quran* dan perbahasan ilmu Qiraat (al-Huwaimil, 2010).

Manakala dalam PdP tahfiz, guru al-Quran haruslah telah menghafaz al-Quran dan dapat mengesan bacaan pelajar dengan cepat dan tepat. Al-Ghautsani (2003), menggariskan bahawa guru al-Quran harus menghafaz al-Quran secara sempurna dan mengutamakan guru yang memiliki sanad yang tinggi. Sekiranya kriteria guru al-Quran ini tidak ditemui, maka guru al-Quran yang layak adalah yang terbaik antara yang baik. Salah satu daripada ciri guru al-Quran adalah mampu merungkaikan kesulitan yang dihadapi oleh pelajar. Guru al-Quran

yang mahir dalam hafazan dapat membantu pelajar mengenal persamaan dan perbezaan ayat-ayat yang hampir sama (*mutasyabihat al-lafz*). Guru al-Quran juga harus mampu menerapkan kaedah hafazan yang sesuai kepada pelajar. Keberadaan guru seharusnya mampu mengasah fikiran, serta menghidupkan akal dan semangat kepada pelajar dalam menghafaz al-Quran (al-Ghautsani, 2003).

Selain daripada itu, guru al-Quran juga harus mempunyai kemahiran dalam bahasa Arab bagi memudahkan guru mengetahui makna umum ayat. Ibnu Sahnun (1978), turut menitikberatkan ilmu nahwu kepada guru al-Quran bagi mendidik pelajar dengan penulisan yang baik. Kepelbagaian ilmu al-Quran yang telah dinyatakan bukan sekadar diketahui oleh guru al-Quran, sebaliknya ilmu tersebut harus disampaikan kepada pelajar. Kemampuan guru untuk mengaitkan PdP al-Quran dengan permasalahan fiqh oleh pelajar juga menjadikan PdP al-Quran lebih relevan dalam kehidupan seharian.

5.3 Berperibadi Mulia dan Soleh

Keperibadian yang mulia adalah salah satu daripada sifat Rasulullah SAW yang dipuji oleh Allah dalam al-Quran. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan sesungguhnya kamu (wahai Muhammad) benar-benar mempunyai budi pekerti yang agung.” (QS al-Qalam: 4)

Dalam konteks PdP al-Quran, keperibadian guru yang soleh menjadi magnet dan pemangkin secara tidak langsung kepada pelajar. Pada asasnya, guru bertanggungjawab mendidik dan mendorong pelajar, sama ada dalam pembelajaran al-Quran mahupun keelokan sahsiah diri. Guru al-Quran haruslah memiliki akhlak yang baik, bersifat pemurah dan santun, wajah yang berseri, wara’, serta tidak banyak ketawa dan bergurau (al-Ghautsani, 2003). Guru juga harus menjaga aspek penampilan yang disarankan oleh agama seperti mencukur misai, memotong kuku, berbau harum, serta berpakaian kemas dan bersih. Sebagaimana saranan untuk memperelokkan penampilan luaran, begitu juga aspek dalaman seperti menjaga pancaindera, menjauhi sifat dengki, riya’, sombong, dan meremehkan orang lain (al-Nawawi, 1996).

Al-Nawawi (1996) dan al-Qabisi (1955), turut menyatakan bahawa antara keperibadian guru al-Quran adalah berlemah lembut dan mengasihi pelajar, serta tidak bersikap keras. Pelajar haruslah dididik dan dinasihati secara beransur-ansur dengan adab

yang luhur. Apabila guru al-Quran mempamerkan akhlak yang mulia, pelajar akan tertarik kepada guru. Perasaan senang terhadap guru al-Quran mendorong pelajar untuk lebih mudah mematuhi perintah dan mengamalkan nasihat guru. Sebaliknya, apabila guru mempamerkan akhlak yang tidak baik, pelajar akan berasa tidak selesa, tidak betah untuk meluangkan masa dalam halaqah, malah sukar mendengar nasihatnya (al-Qabisi, 1955; al-Huwaimil, 2010). Walau bagaimanapun, guru al-Quran tidak digalakkan terlalu berlemah-lembut sehingga hilang rasa hormat pelajar terhadap guru (al-Qabisi, 1955).

5.4 Sabar dalam Mendidik

Sabar adalah sifat yang terpuji dalam jiwa mu'min. Allah SWT menjanjikan pahala dan balasan yang besar untuk sifat sabar. Dalam konteks PdP al-Quran, kesabaran guru adalah tunjang dalam melahirkan pelajar yang mahir dan berkualiti. Guru al-Quran harus sabar dalam menyantuni diversiti pelajar dari segi tahap kecerdasan intelektual, akhlak, latar belakang, dan kesediaan, lalu membawa generasi untuk membaca serta menghafaz al-Quran secara zahir. Manakala secara tersiratnya, guru al-Quran memimpin pelajar untuk beradab serta berakhlak dengan akhlaq al-Quran. Al-Ghautsani (2003) menyebut bahawa guru al-Quran harus memiliki kecekapan dalam menyampaikan ilmu dan memberi kefahaman kepada kepelbagaian pelajar. Justeru, peranan guru al-Quran amat memerlukan kesabaran yang tinggi supaya jiwa pelajar lunak dan mudah meneladani guru (al-Huwaimil, 2010; al-Nawawi, 1996).

5.5 Adil Kepada Pelajar

Dalam mendepani pelbagai isu dan urusan dalam kehidupan, Allah memerintahkan agar manusia bersikap adil. Firman Allah SWT yang bermaksud: "*Sesungguhnya Allah menyuruh (kamu) berlaku adil*" (QS al-Naml: 90). Terdapat banyak bentuk sifat adil yang boleh diaplikasikan oleh guru dalam PdP, antaranya adalah:

5.5.1 Adil ketika menentukan pelajar yang datang untuk tasmik

Ketika PdP berlangsung, guru harus bersikap telus dan tidak selektif ketika menentukan pelajar yang datang untuk tasmik. Hal ini boleh diatasi dengan mengutamakan pelajar yang datang terlebih dahulu, seorang demi seorang. Al-Nawawi (1996) berkata:

“Jika jumlah pelajar ramai, maka guru harus dahulukan yang pertama, kemudian menyusul pelajar yang berikutnya. Jika yang pertama rela guru mendahulukan rakan yang lain, maka boleh mendahulukannya”

Guru juga harus bersikap adil dalam meraikan semua pelajar yang datang untuk tasmik, termasuk pelajar yang lemah. Meskipun guru terlebih dahulu dapat menjangka kualiti bacaan daripada pelajar yang tidak fasih (al-Huwaimil, 2010).

5.5.2 Adil dalam membuat penilaian bacaan dan kompetensi pelajar

Ketika pelajar sedang tasmik, guru al-Quran harus teliti dan cermat dalam mendengar bacaan atau hafazan pelajar. Guru al-Quran memberi tumpuan penuh, dan jika terdapat kesilapan, teguran diberikan dengan sewajarnya. Setelah tamat tasmik, guru al-Quran memberi penilaian yang saksama.

Manakala berkenaan dengan tugas, Al-Nawawi (1996) menyebut bahawa *“Janganlah guru mengajar banyak perkara kepada pelajar yang tidak boleh menerima banyak. Jangan pula mengajarkan sedikit perkara kepada pelajar yang boleh menerima banyak.”* Berdasarkan petikan tersebut, tugas yang diberikan terhadap pelajar harus bersesuaian dari segi bilangan muka surat atau surah untuk dibaca, dihafaz, atau diulang (*murajaah*). Guru al-Quran harus adil dalam memberikan tugas yang sesuai kepada pelajar dari segi kapasiti kemampuan dan juga tempoh masa yang diberikan. Hal ini perlu dikenalpasti oleh guru al-Quran bagi meraikan setiap pelajar yang berbeza tahap pencapaian dalam halaqah (al-Huwaimil, 2010).

5.5.3 Adil dalam pengawasan pelajar

Selain daripada mengambilkira aspek bacaan atau hafazan pelajar, guru al-Quran harus bertanyakan khabar serta mengambil tahu jumlah kedatangan pelajar yang hadir dalam halaqah. Bersikap cakna terhadap pelajar yang sudah atau belum tasmik, pelajar yang belum mengulangkaji hafazan (*murajaah*), pelajar yang cemerlang mahupun pelajar yang belum sampai target, kesemuanya merupakan tugas guru al-Quran. Bagi mencapai tujuan ini, guru al-Quran harus mempunyai hubungan yang baik dengan pelajar. Hasilnya, guru al-Quran dapat mengenal dan memotivasikan

pelajar sesuai dengan pencapaian masing-masing. Motivasi yang diberikan bersifat eksklusif mengikut individu agar dapat memberikan impak yang lebih dekat kepada jiwa pelajar (al-Huwaimil, 2010).

5.6 Mementingkan PdP Al-Quran Berbanding Urusan Lain

Guru al-Quran harus menumpukan fikiran kepada pelajar ketika sedang mengendalikan halaqah, dan bukan mengutamakan urusan duniawi yang tidak terdesak. Al-Nawawi (2006), bahkan menyatakan secara detail bahawa guru al-Quran harus menjaga kedua tangan dan mata daripada perbuatan bukan keperluan. Contoh yang paling sesuai dalam konteks masa kini adalah guru al-Quran tidak wajar memegang dan menggunakan telefon bimbit. Guru al-Quran perlu berusaha keras untuk menghasilkan pelajar yang berkualiti, sehingga segala tingkah laku juga perlu diambil kira (al-Nawawi, 2006).

Ibnu Sahnun (1978), turut berpendapat bahawa guru al-Quran melaksanakan tanggungjawab serta patuh kepada peraturan di tempat dia berkhidmat. Antara peraturan yang perlu dipatuhi antaranya:

- a) Mengkhususkan perhatian kepada pelajar ketika sesi PdP,
- b) Menghubungi keluarga pelajar bagi yang tidak hadir ke halaqah, dan
- c) Menggunakan waktu PdP yang diperuntukkan secara maksimum dan bersabar dalam mendidik sehingga pelajar dapat menguasai bacaan atau hafazan al-Quran.


6.0 KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan dan perbincangan, dapat disimpulkan bahawa ciri yang harus dimiliki oleh guru al-Quran terbahagi kepada dua, iaitu 1) Pemantapan sahsiah guru, dan 2) Pengurusan guru dalam halaqah. Kedua-dua dapatan ini dapat dijelaskan secara terperinci dalam Rajah 2.

Pemantapan serta keelokan sahsiah guru al-Quran tidak terhad di dalam bilik darjah, sebaliknya sahsiah tersebut merupakan kualiti diri yang dipupuk setiap masa dan di mana jua. Secara umumnya, guru al-Quran merupakan individu yang berpengaruh dan dihormati dalam masyarakat. Elemen pembentukan sahsiah harus diambil berat dan difahami oleh guru al-Quran itu sendiri. Meskipun berperibadi mulia dan soleh merupakan tuntutan kepada seluruh umat Islam, namun penekanan lebih khusus kepada guru al-Quran adalah amat wajar. PdP al-

Quran yang berlangsung bukan hanya ‘proses menyampaikan ilmu’ sebaliknya memikul sebahagian daripada proses pembentukan generasi Qurani.

Bagi pengurusan dalam halaqah, guru al-Quran perlu merancang strategi kepada pelajar. Kesan mempertingkatkan pengawasan halaqah dapat memberi manfaat kepada pencapaian pelajar, dan kepuasan diri guru yang tidak dapat dinilai secara zahir. Pemantapan sahsiah guru al-Quran serta pengurusan dalam halaqah yang baik perlu diaplikasikan secara seiring. Guru al-Quran yang memahami tanggungjawab yang dipikul akan menghasilkan kemenjadian hufaz al-Quran sekaligus memberi impak kepada masyarakat. Ringkasnya, ciri guru al-Quran perlu dipupuk demi membina modal insan atau hufaz al-Quran yang lebih berkualiti.



Rajah 2: Ciri-Ciri Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran.

RUJUKAN

Al-Quran

Abdul Aziz bin Ali (2013). *Tahzib al-Quran*. Beirut: Dar Ibn Hazm.

Abdul Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail dan Kamarul Azmi Jasmi (2012). *A New Approach in Islamic Education: Mosque Based Teaching And Learning*. Journal of Islamic and Arabic Education 4 (1) 2012, 1-10.

Al-Ghautsani, Yahya bin Abdul Razaq (2003). *Kaifa Tahfadzul Quran al-Karim*. Damaskus: Maktabah Dar al-Ghauthan.

Al-Huwaimil, Ibrahim bin Sulaiman (2010). *Taqwim Ta'lim Hifz al-Quran al-Karim wa Ta'limahu fi Halaqati Jamiyyati Tahfiz al-Quran al-Karim*. Madinah: Majmu' Mulk Fahd.

Al-Nawawi, Abu Zakaria Yahya b. Syarf (1996). *al-Tibyan fi Adabi Hamlatil Quran*. Beirut: Dar Ibn Jazm.

Al-Qabisi, Abu Hasan Ali Muhammad (1955). *Al-Risalah al-Mufassolah li Ahwal al-Muallimin wa Ahkam al-muallimin wal Mutaallimin*. Kaherah: Dar al-Ihya' Kutub al-Arabiyah.

Al-Sobuni (1996). *Sejarah dan Dasar Pengajian Ilmu al-Quran*. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publisher.

Al-Zarnuji (2004). *Ta'lim al-Mutaallim Thariq al-Ta'alum*. Sudan: Dar al-Sudaniah lil Kutub.

Bowen, G. A. (2009). *Document Analysis as a Qualitative Research Method*. Qualitative Research Journal, 9(2), 27-40. doi:10.3316/QRJ0902027.

Ghazali Basri (2012). *Falsafah Pendidikan Islam: Huraian Konsep dan Aplikasi*. Brunei: Pusat Penerbitan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

Ibnu Sahnun, (n.d). diambil daripada Fuad al-Ahwani. (1978). *Al Tarbiyah fi al Islam, Nastrat al-Risalah al Mufassalah li Ahwal al-Mu'allimin wa Ahkam al-Mu'allimin*. Mesir, Dar al. al-Ihya' Kutub al-Arabiyah.

Kemp, A.T., Preston, J.P., C. Steven, Harper, R., Dillard, B. (2014). *Technology and Teaching: A Conversation Among Faculty Regarding The Pros and Cons of Technology*. The Qualitative Report; Fort Laiderdale. Page. 1-23.

Mahmud Syaltut (1974). *Intisari al-Quran*. Singapura: Pustaka Nasional

Mohd Aderi Che Noh (2009). *Amalan Pengajaran Tilawah al-Quran: Satu Tinjauan terhadap Persepsi Guru di Sekolah Menengah Harian Malaysia*. Journal of Islamic and Arabic Education 1 (1) 57-72.

Subhi Salleh (1977). *Kajian al-Quran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zainab Ismail (2016). *Ulasan Buku Pengajaran & Pembelajaran Tilawah al-Quran Sekolah Menengah di Malaysia*. Oleh Mohd Aderi Che Noh (2015). *Islamiyyat* 38 (2) 2016: 175-178.